

Newspaper	Berita Harian
Date	27 August 2015

Najib lancar buku bergambar 1Malaysia Ikon

BH - 27/8/2015


Putrajaya: Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, semalam melancarkan buku bergambar untuk rancangan dokumentari bertajuk '1Malaysia Ikon' di Perdana Putra, di sini, semalam.

Sebanyak 11 tokoh, termasuk isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor, akan diketengahkan dalam musim kedua dokumentari itu yang akan bersiaran menerusi RTMi tidak lama lagi.

Tokoh lain yang dipilih ialah Pengerusi FELDA, Tan Sri Mohamad Isa Abdul Samad; bekas pelari Olimpik negara, Tan Sri Dr M Jegathesan; pereka fesyen terkenal, Datuk Zang Toi dan Datuk Bernard Chandran serta cef selebriti, Datuk Redzuawan Ismail atau lebih dikenali sebagai Cef Wan.

Yang turut tersenarai, penyanyi kumpulan Alleycats, Datuk David Arumugam; kartunis Datuk Lat, penyanyi terkenal era 80-an, Datuk Sheikh Abdullah Ahmad Bakhbreh atau Datuk Shake; pengasas restoran Mango Tree London, Eddie Lim dan penyanyi Yunalis Zarai atau Yuna.

BERNAMA



Najib melihat buku 1Malaysia Ikon selepas melancarkan buku berkenaan di Bangunan Perdana Putra, semalam. Yang turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai (kiri) dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Azalina Othman Said (kanan). (FOTO BERNAMA)